

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat bagi "CIMB Clicks – TopUpJer Campaign"

1. "CIMB Clicks – TopUpJer Campaign" ("Kempen") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("CIMB Bank") dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) ("CIMB Islamic Bank"). Setiap sebutan "CIMB" merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 5 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen").
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang dari empat belas (14) hari kalender untuk menukar tempoh dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks baru dan sedia ada.
5. Kategori-kategori individu yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
  - I. Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsidiarinya dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
  - II. Wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan promosi, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ke-3) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiarinya dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/ atau kontrak CIMB dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
  - III. Individu di bawah umur 18 tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, peserta merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau bukan di bawah kategori-kategori individu di atas ("Peserta Layak").

### Hadiah & Kriteria Penyertaan

6. Hadiah-hadiah berikut akan disediakan bagi pemenang-pemenang terpilih Kempen ini:

("Kategori Hadiah")	("Hadiah")	Bilangan pemenang setiap Minggu Kempen
Hadiah Pertama Mingguan	Apple iPad 10.2"	1
Hadiah Saguhati Mingguan	Tunai RM200	10

("Minggu Kempen")	Tarikh Permulaan	Tarikh Penamatan
Minggu 1	05 Oktober 2020	11 Oktober 2020

Minggu 2	12 Oktober 2020	18 Oktober 2020
Minggu 3	19 Oktober 2020	25 Oktober 2020
Minggu 4	26 Oktober 2020	01 November 2020
Minggu 5	02 November 2020	08 November 2020
Minggu 6	09 November 2020	15 November 2020
Minggu 7	16 November 2020	22 November 2020
Minggu 8	23 November 2020	29 November 2020
Minggu 9	30 November 2020	06 Disember 2020
Minggu 10	07 Disember 2020	13 Disember 2020
Minggu 11	14 Disember 2020	20 Disember 2020
Minggu 12	21 Disember 2020	27 Disember 2020
Minggu 13	28 Disember 2020	31 Disember 2020

7. Peserta Layak boleh memperoleh penyertaan-penyertaan ("Penyertaan" atau "Penyertaan-Penyertaan", di mana berkenaan) supaya berpeluang memenangi Hadiah yang dirujuk dalam Klausa 6 di atas dengan melakukan transaksi yang dinyatakan dalam jadual di bawah melalui laman web CIMB Clicks ([www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks:-

("Transaksi Layak")	Bilangan Penyertaan
Satu (1) transaksi Tambah Nilai Prabayar yang berjaya dengan jumlah minimum RM15 melalui laman web CIMB Clicks ( <a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a> ) semasa setiap Minggu Kempen.	1
Satu (1) transaksi Tambah Nilai Prabayar yang berjaya dengan jumlah minimum RM15 melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB Clicks semasa setiap Minggu Kempen.	3

8. Untuk tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, "Tambah Nilai Prabayar" di bawah Kempen ini hendaklah bermaksud satu transaksi tambah nilai prabayar yang dibuat oleh Peserta Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks ([www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks untuk melakukan tambah nilai prabayar di bahagian 'Top-Up'. Tambah Nilai Prabayar hendaklah dilakukan menggunakan dana yang diambil dari mana-mana akaun simpanan atau semasa CIMB, atau akaun kad kredit atau debit CIMB Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB bagi tujuan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks ("Akaun Penyertaan").
9. Penyertaan yang diperolehi semasa setiap Minggu Kempen hanya sah untuk Minggu Kempen tersebut dan tidak boleh dibawa hadapan ke Minggu Kempen berikutnya.
10. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
11. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan CIMB berkenaan apa yang merupakan Transaksi Layak akan dianggap muktamad dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara sekalipun.

## Pemilihan Pemenang & Pemenuhan

12. Pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB secara rawak akan menyenaraikan senarai pemenang berpotensi dari kumpulan Peserta Layak berdasarkan jumlah Penyertaan yang diperoleh oleh Peserta Layak dalam setiap Kempen Minggu ("Pemenang Berpotensi").
  13. Pemenang Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") yang nombor telefon bimbitnya didaftarkan dengan penyedia perkhidmatan telekomunikasi Celcom, DiGi, U Mobile atau TuneTalks dan dikekalkan dalam rekod CIMB. Pemenang Berpotensi akan diminta untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut.
  14. Pemenang Berpotensi pertama yang menjawab SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Pertama Mingguan ("Pemenang Hadiah Pertama Mingguan"). SEPULUH (10) Pemenang Berpotensi seterusnya yang menjawab SMS dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Saguhati Mingguan ("Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan"). Pemenang Hadiah Pertama Mingguan dan Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan secara kolektif dirujuk sebagai "Pemenang".
  15. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang Berpotensi di luar Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuknya.
  16. Peserta Layak harus bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon mudah alih dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB. Pemberitahuan dan/atau penghantaran Hadiah oleh CIMB akan berdasarkan kepada nombor telefon mudah alih dan alamat dalam Malaysia setiap Peserta Layak yang dikekalkan dengan CIMB. Penghantaran Hadiah Pertama Mingguan hanya sah untuk alamat surat-menyurat dalam Malaysia, dan tidak akan sah untuk alamat surat-menyurat di luar Malaysia. Peserta Layak dengan alamat surat-menyurat di luar Malaysia perlu memberikan alamat surat-menyurat dalam Malaysia, atau mengutip Hadiah Pertama Mingguan dari cawangan CIMB. Bagi Peserta Layak yang tidak mempunyai alamat surat-menyurat dalam Malaysia, Peserta Layak yang berhak menerima Hadiah Pertama Mingguan mesti menghubungi pegawai Perkhidmatan Pelanggan CIMB di nombor telefon 03-6204 7788 untuk memaklumkan kepada CIMB sama ada pengutipan Hadiah Pertama Mingguan dari cawangan CIMB atau penghantaran Hadiah Pertama Mingguan ke alamat surat-menyurat dalam Malaysia yang diberikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah sekiranya nombor telefon dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Layak dalam rekod CIMB adalah bukan terkini atau tidak betul.
  17. Peserta Layak hanya layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini.
  18. Semua sesi soal dan jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
  19. CIMB akan memaklumkan Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui mel elektronik atau melalui SMS ke nombor telefon bimbit Pemenang atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlak.
-

## 20. Pemenuhan Hadiah:

- a. Hadiah Pertama Mingguan akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemenang Hadiah Pertama Mingguan yang dikekalkan dengan CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang Hadiah Pertama Mingguan bersetuju dan membenarkan CIMB untuk mendedahkan maklumat Pemenang Hadiah Pertama Mingguan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada pengedar/ejen yang kemudiannya akan menghubungi Pemenang Hadiah Pertama Mingguan mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah Pertama Mingguan.
  - b. Hadiah Pertama Mingguan yang dimenangi:
    - (i) adalah disediakan atas dasar "sedia ada"; dan
    - (ii) tidak boleh dipindahmilik atau ditukar untuk wang tunai atau kredit.
  - c. Hadiah Saguhati Mingguan akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan yang akan dipilih oleh CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen.
  - d. Hadiah Saguhati Mingguan tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar untuk hadiah yang lain atau ganjaran dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan untuk mengkreditkan Hadiah Saguhati Mingguan ke akaun CIMB Pemenang Hadiah Saguhati Mingguan yang lain.
  - e. CIMB merizabkan hak untuk menarik balik Hadiah sekiranya berlaku sebarang pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak.
  - f. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
  - g. Pemenang akan berdasarkan budi bicara mutlak CIMB dikehendaki menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara pemberian hadiah dan/atau acara lain yang berkenaan yang dianjurkan oleh CIMB (jika ada) dan jika Pemenang gagal menghadiri upacara dan/atau acara, CIMB berhak untuk menarik balik Hadiah dan memilih Pemenang lain.
21. Imej Hadiah Pertama Mingguan yang ditunjukkan dalam sebarang kolateral pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan visual sahaja dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Hadiah Pertama Mingguan sebenar yang diterima. Pemenang Hadiah Pertama Mingguan tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar warna atau model Hadiah Pertama Mingguan.
22. Apple bukan peserta atau penaja Kempen ini. Tiada apa-apa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diambil sebagai representasi bahawa pengilang/pereka Hadiah-hadiah telah mengendors Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau produk-produk CIMB.

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

23. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta membenarkan CIMB memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

24. Akaun Penyertaan Peserta Layak (i) MESTI TIDAK memungkirinya mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/ atau perjanjian-perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; dan (ii) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah yang bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan.
25. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain sekalipun kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau emel oleh Peserta Layak melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
29. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("Pindaan") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks ([www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my)) atau laman web CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan dalam notis sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari

tarikh notifikasi Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

30. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan sedemikian pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
31. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 29) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat semasa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks semasa dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
32. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, secara tersirat ataupun tersurat, bertulis atau lisan, bagi semua Hadiah Pertama Mingguan dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab terhadap Hadiah Pertama Mingguan yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah Pertama Mingguan. Hadiah Pertama Mingguan tidak pernah diperakui oleh CIMB dan kemasukan Hadiah Pertama Mingguan dalam Kempen ini tidak akan dalam apa-apa keadaan diertikan sebagai endorsmen atau cadangan Hadiah Pertama Mingguan oleh CIMB. Liabiliti CIMB berhubung dengan Hadiah Pertama Mingguan hanya untuk membayar harganya kepada penjual/pembekal.
33. Hadiah Pertama Mingguan adalah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penjual/pembekal yang berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh penjual/pembekal tersebut dan CIMB tidak akan menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) sebagaimana ia timbul sama ada secara kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkenaan dengan Hadiah Pertama Mingguan, walaupun CIMB telah dinasihatkan kemungkinan ganti rugi tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut adalah dikecualikan secara nyata.
34. Dengan menerima Hadiah Pertama Mingguan, Pemenang Hadiah Pertama Mingguan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing daripada apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Pemenang Hadiah Pertama Mingguan tersebut dalam Kempen ini atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Pertama Mingguan. Semua risiko, kerugian, kerosakan berkenaan dengan penggunaan Hadiah Pertama Mingguan akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Pertama Mingguan.
35. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk

mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

36. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai olehnya. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidapatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
37. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.
38. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
39. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
40. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor telefon dan nombor faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan nombor faksimile sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui notifikasi kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / Faks: 603 2691 3248 / Emel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).